



# MEMBINA EKONOMI YANG KUKUH DAN CERGAS





**Kami mesti memperkuuh daya saing kami melalui inovasi, memperdalam integrasi kami dengan rantau ini dan juga dengan dunia, dan melabur dalam membina perusahaan yang kukuh dan tenaga kerja yang mahir. Inilah cara kami mencari pendapatan dan kedudukan di persekitaran luaran yang semakin tidak menentu dan tidak menguntungkan.**

— Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perusahaan,  
Encik Gan Kim Yong

## HALAMAN KANDUNGAN

### Sokongan buat perniagaan-perniagaan

Muka surat 3-4

### Mengembangkan ekonomi kita

Muka surat 5-6

### Membebaskan potensi sumber kita

Muka surat 7-8

### Menyokong pertumbuhan dan transformasi perusahaan-perusahaan setempat

Muka surat 9-10

### Menghubung Singapura bersama dunia

Muka surat 11-12

### Sumber berguna

Muka surat 13



# SOKONGAN BUAT PERNIAGAAN- PERNIAGAAN

## Mengapakah sokongan ini penting?

Perniagaan-perniagaan akan menghadapi halangan-halangan, akibat kekangan sumber dan persekitaran luaran yang lebih mencabar. Pemerintah akan membantu perusahaan-perusahaan menangani tekanan jangka pendek dan menyokong pertumbuhan dan transformasi jangka panjang mereka.

## Menangani kos-kos perniagaan

- Faedah-faedah bagi syarikat-syarikat dihadkan kepada **\$40,000**
  - Rebat Cukai Pendapatan Korporat sebanyak 50%** pada Tahun Taksiran 2025
  - Faedah minimum sebanyak \$2,000** bagi syarikat-syarikat aktif yang menggajikan sekurang-kurangnya seorang pekerja tempatan pada tahun 2024

## Memperkemas peraturan-peraturan dan proses-proses

- Mulai 1 Julai 2025, **tempoh tangguh bagi perniagaan mengenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)** akan dilanjutkan kepada dua bulan, selepas ramalan perniagaan yang menjangka melepassi had pusing ganti boleh dikenakan cukai \$1 juta
- Mulai 1 Julai 2025, peniaga barang terpakai boleh mengenakan GST pada margin kasar di bawah Skim Margin Kasar (GMS) tanpa memerlukan kelulusan daripada IRAS

## Memudahkan akses peluang-peluang pemerolehan pemerintah


- **Innovative Procurement Partnership (IPP)** adalah pendekatan penyumberan baharu yang membolehkan agensi-agensi Pemerintah dan perniagaan-perniagaan bekerjasama untuk merintis dan meningkatkan penyelesaian-penyelesaian inovatif yang memenuhi keperluan agensi-agensi
- Mulai Mei 2025, **Tender Lite Bagi Kontrak-Kontrak Pembinaan** akan dilancarkan bagi tender-tender yang tidak melebihi \$1 juta, dengan keperluan-keperluan pentadbiran yang telah dikurangkan

## Menyokong transformasi tenaga kerja

- **Geran Pembangunan Tenaga Kerja SkillsFuture** baharu memperkemaskan proses permohonan skim transformasi tenaga kerja dan menyediakan sokongan pembiayaan yang lebih tinggi, sehingga 70%, kepada syarikat-syarikat dalam menyusun semula pekerjaan mereka
- **Kredit Perusahaan SkillsFuture (SFEC)**, yang telah direka semula, menawarkan \$10,000 kredit tambahan kepada perusahaan-perusahaan yang layak untuk kursus-kursus dan inisiatif-inisiatif transformasi tenaga kerja

## Meningkatkan sokongan pekerjaan

- **Skim Kredit Gaji Progresif Yang Dipertingkatkan** menyokong majikan-majikan melalui pembiayaan bersama Pemerintah yang lebih tinggi bagi kenaikan gaji untuk pekerja berpendapatan rendah pada 2025 dan 2026.
- **Kredit Pekerjaan Warga Emas, Kredit Peningkatan Pekerjaan** dan **Kredit Menyokong Pengambilan Pekerja Kurang Upaya** menyokong majikan-majikan mengambil pekerja warga emas, bekas pesalah dan golongan kurang upaya



## Hitungan angka

**\$40,000**

Jumlah maksimum faedah bagi syarikat-syarikat yang layak mendapat Rebat Cukai Pendapatan Korporat dan Geran Wang Tunai



**\$10,000**

Kredit Perusahaan SkillsFuture Enterprise yang direka semula bagi syarikat-syarikat yang layak untuk digunakan buat transformasi tenaga kerja

**40%**

Pembentangan bersama Pemerintah bagi kenaikan gaji untuk pekerja berpendapatan rendah pada 2025, di bawah Skim Kredit Gaji Progresif

“

Rakan kongsi KPMG Asia-Pasifik dan ketua ekuiti privet, Encik Andrew Thompson:

**Meningkatkan kecairan dan skala pasaran modal awam Singapura merupakan bahagian penting untuk meningkatkan kerelevan Singapura sebagai hab kewangan global dan serantau. Kami mengalukan inisiatif ini yang mungkin boleh menyokong matlamat ini dan juga menyokong kejayaan perniagaan-perniagaan tempatan**

“

Rakan kongsi PwC Singapore pengkhususan cukai dan keusahawanan dan perniagaan swasta, Puan Lim Kexin:

**Lanjutan 50% Rebat Cukai Pendapatan Korporat dan pembentangan tunai minimum untuk perniagaan-perniagaan yang menggaji warga Singapura mengiktiraf cabaran-cabaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat, memandangkan persekitaran yang tidak menentu. Mereka boleh meraih manfaat daripada sokongan jangka pendek.**

**Ini amat dialu-alukan SME Singapura yang tertekan dengan kos perniagaan yang kian meningkat kian mereka beralih ke arah langkah-langkah produktiviti jangka separuh penggal dan peluang-peluang baru.**

# MENINGKATKAN EKONOMI KITA

## Mengapakah peningkatan ekonomi itu penting?

Kian Singapura memulakan fasa seterusnya dalam pembangunan ekonomi kita, kita mesti terus mengukuhkan daya saing kita melalui kerjasama serantau yang lebih mendalam, inovasi dan pelaburan dalam perniagaan-perniagaan kita.

## Memperkuatkan hubungan serantau

- **Perjanjian Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ)** akan membolehkan syarikat-syarikat tempatan memanfaatkan sumber-sumber Malaysia untuk berkembang
- **Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN** akan meningkatkan perdagangan digital dan memperbaiki akses pasaran untuk syarikat-syarikat kita yang beroperasi di serantau
- **Peningkatan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA)** akan mengukuhkan rangkaian rantaian bekalan dan meningkatkan aliran perdagangan dalam ASEAN, membolehkan Singapura memanfaatkan pertumbuhan ekonomi serantau

## Mengembangkan perusahaan-perusahaan yang kukuh

- Sebuah **Pusat Terjemahan dan Inovasi Semikonduktor Kebangsaan R&D Fab yang bernilai \$500 juta** bakal menyediakan syarikat-syarikat akses berkongsi kepada infrastruktur semikonduktor terkini. Ini akan memacu penyelidikan dan pembangunan dalam bidang penterjemahan bagi teknologi semikonduktor lanjutan, mengukuhkan daya saing Singapura sebagai hab semikonduktor
- **Penambahbaikan Perikatan Inovasi Global (GIA)** untuk menghubungkan syarikat-syarikat pemula dengan rakan-rakan kongsi dan peluang-peluang pengkomersilan melalui laluan-laluan yang berbeza
- **Program Pengasas Global** akan menyokong pengasas-pengasas berpengalaman membina usaha niaga baharu yang berpotensi untuk berkembang menjadi perniagaan terkemuka di peringkat global dari Singapura

## Memupuk persekitaran pro-perusahaan

- Jawatankuasa Antara Kementerian bagi Semakan Peraturan Pro-Perusahaan telah menetapkan tiga **Penyataan Komitmen** untuk meningkatkan taraf-taraf perkhidmatan bagi aplikasi kawal selia perniagaan, meningkatkan tempoh kesahan lesen dan menyelaraskan kelulusan kawal selia pendua dan berurutan

## Memberi penyelesaian-penyelesaian untuk memacu pertumbuhan

- **Dana Pelaburan Jangka Panjang** yang melebihi \$200 juta dalam modal Pemerintah, bagi perusahaan-perusahaan yang mempunyai trajektori pertumbuhan yang lebih lama dan/atau lebih rumit
- **Dana Pertumbuhan Kredit Privet bernilai \$1 bilion** menawarkan pembiayaan fleksibel dan tidak cair bagi perusahaan-perusahaan pertumbuhan tinggi yang mencari penyelesaian tersuai melangkaui pinjaman bank tradisional dan pembiayaan ekuiti



## Hitungan angka

# \$123.6 billion

Nilai ekonomi perdagangan dua hala antara Singapura dan Malaysia pada 2023<sup>1</sup>

# >\$200 juta

Modal Pemerintah yang digunakan untuk melabur dalam syarikat-syarikat di bawah Dana Pelaburan Jangka Panjang

# 17.3%

Sumbangan sektor pembuatan kepada GDP<sup>2</sup> nominal Singapura

**SUMBER:**

<sup>1</sup>Jabatan Perangkaan (DOS), Feb 2024

<sup>2</sup>Jabatan Perangkaan (DOS), 2024



Rakan kongsi InnoVen Capital Asia Tenggara, Encik Paul Ong:

**Dengan meningkatkan akses kepada kredit privet, dana itu akan memperkasakan perusahaan-perusahaan tempatan untuk berkembang secara berkesan, memacu inovasi dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Singapura.**

**Penubuhan Dana Pertumbuhan Kredit Privet bukan sahaja melengkapkan usaha-usaha kita, tetapi juga menggariskan peranan kritikal pembiayaan alternatif dalam ekonomi digital baharu yang sedang pesat membangun.**



Ketua global perbankan pelaburan DBS, Encik Clifford Lee:

**Dengan melengkapkan kekuatan sedia ada Singapura dalam pasaran-pasaran hutang, modal privet dan pembiayaan bank, pembangunan-pembangunan ini menawarkan perniagaan-perniagaan tempatan lebih banyak peluang untuk berjaya di luar negara.**

**Inisiatif-inisiatif ini juga meningkatkan tarikan Singapura kepada perniagaan-perniagaan di rantau ini yang ingin memanfaatkan keupayaan pembiayaan kita untuk mempercepatkan pertumbuhan mereka.**

**Ini seterusnya menjana efek “roda tenaga”, di mana Singapura dapat menarik lagi kumpulan modal yang lebih mendalam, menyumbang kepada pembiayaan dan ekosistem perusahaan yang lebih rancak.**

# MEMBEBAKAN

## POTENSI SUMBER KITA

### Mengapaah pembebasan potensi sumber kita penting?

Sedang kita terus memajukan matlamat Singapura untuk mencapai sifar bersih pada 2050, kita akan mencari penyelesaian-penyelesaian inovatif untuk mengatasi kekangan tanah, tenaga kerja, karbon dan tenaga, sambil melakar laluan baharu untuk perniagaan-perniagaan kita dan menyokong aspirasi tenaga kerja kita.

### Menghala laluan-laluan penyahkarbonan

- Majukan matlamat-matlamat penyahkarbonan kita dengan memaksimumkan penggunaan solar dan merealisasikan projek-projek import elektrik kita, sambil menerokai dan membina keupayaan untuk penyelesaian-penyelesaian rendah karbon yang lain
- Menandatangani **Perjanjian-Perjanjian Pelaksanaan (IA)** bersama Bhutan, Ghana dan Papua New Guinea bagi pemindahan kredit karbon, dan **Permintaan untuk Cadangan** yang akan datang **bagi mendapatkan kredit karbon yang mematuhi Artikel 6**
- **Ujian Penterjemahan Teknologi Rendah Karbon (LCT<sup>3</sup>)** yang bernilai \$62.5 juta untuk menyokong syarikat-syarikat meningkatkan penyelesaian-penyelesaian rendah karbon
- Tambah nilai \$5 bilion kepada **Dana Tenaga Masa Depan** yang akan menyokong pelaburan-pelaburan infrastruktur rendah karbon

### Melabur dalam pekerja-pekerja

- Terus mendana program-program **Latihan dan Pendidikan Berterusan (CET)** untuk melatih pekerja dan mengembangkan bakat dalam sektor-sektor utama
- **Geran Pembangunan Tenaga Kerja SkillsFuture** baharu untuk menyokong syarikat-syarikat dalam transformasi tenaga kerja
- **Perjanjian-perjanjian pertukaran bakat dalam kepakaran inovasi dan teknologi** dengan Indonesia dan Vietnam, yang membenarkan perniagaan-perniagaan dan pekerja-pekerja Singapura mengakses bakat dan ekonomi serantau

### Melabur dalam penyelidikan dan inovasi

- A\*STAR akan melabur \$500 juta untuk **menyegar dan memperluaskan infrastruktur penyelidikan bioperubatan** ke kawasan besar one-north, untuk menarik pemain-pemain industri dan bakat baharu serta meningkatkan usaha-usaha menggalakkan kerjasama antara disiplin
- A\*STAR dan rakan-rakan kongsi akan memperkenalkan program-program R&D pembuatan biofarmasi baharu, **Program Pembuatan Lanjutan Terapi Sel Singapura 2.0**, dan **Pemecut Proses untuk Pembuatan Terapi Sel**

### Meningkatkan produktiviti tanah

- Skim **Elaun Mempertingkatkan Penggunaan Tanah (LIA)** yang dipertingkat dan diperluaskan akan terus menggalak perniagaan-perniagaan untuk memaksimumkan penggunaan tanah mereka
- **Inisiatif Lanjutan Pajakan Fleksibel Lima Tahun (FLEXI)** membenarkan perniagaan-perniagaan yang layak pajakan JTC 20 tahun untuk melanjutkan pajakan sehingga dua peringkat lima tahun
- **Tempoh permohonan pembaharuan pajakan** dilanjutkan kepada 10 tahun sebelum tamat tempoh pajakan, dinaikkan daripada enam tahun
- **Pelanjutan tempoh pajakan** selama tiga tahun **untuk peruntukan-peruntukan tanah industri 'greenfield'** bagi menampung tempoh pembinaan dan pembangunan perniagaan-perniagaan
- **Definisi pelaburan-pelaburan loji dan jentera diperluas** untuk mengiktiraf pelaburan-pelaburan yang boleh diaudit dalam inovasi, R&D, pendigitalan dan penciptaan IP



## Hitungan angka

# 1.5 puncak-gigawatt

Matlamat penggunaan solar Singapura menjelang 2025, yang telah dicapai pada hujung 2024, lebih awal daripada dijadualkan

# \$10 billion

Saiz Dana Tenaga Masa Depan selepas tambah nilai pada Tahun Kewangan 2025

# >\$1 billion

Unjuran perbelanjaan Pemerintah terhadap program-program Latihan dan Pendidikan Berterusan (CET) pada Tahun Kewangan 2024

# 24%

Sumbangan GDP oleh firma-firma dengan kegiatan-kegiatan R&D pada 2022, meningkat daripada 14.8% pada 2012<sup>1</sup>

SUMBER: <sup>1</sup>Jabatan Perangkaan (DOS)



Ketua Asia Tenggara Bloomberg L.P., Encik Kelvin Cen:

**Singapura memainkan peranan hebat sebagai hab inovasi dan bakat digital. Inisiatif-inisiatif seperti Geran Pembangunan Tenaga Kerja SkillsFuture akan meningkatkan lagi keupayaan Singapura untuk mempertingkat dan membina generasi profesional data dan teknologi yang akan datang, melengkapkan bakat tempatan untuk menghadapi cabaran masa depan.**



Naib presiden kanan dan pengarah pengurusan bagi Asia Pasifik dan Jepun New Relic, Encik Simon Lee:

**Walaupun pencarian bakat berterusan, adalah penting bagi perniagaan untuk memanfaatkan kuasa pasukan-pasukan sedia ada dengan melabur dalam latihan, menggalakkan sesi perkongsian pengetahuan dan menerima kekuatan-kekuatan unik setiap anggota.**

# MENYOKONG

## PERTUMBUHAN DAN TRANSFORMASI PERUSAHAAN-PERUSAHAAN TEMPATAN

### Mengapakah sokongan ini penting?

Persekitaran perniagaan hari ini menuntut inovasi dan adaptasi. Pemerintah akan terus menyokong perniagaan-perniagaan melalui perjalanan transformasi mereka.



### Menyokong pengantarabangsaan

- Kuantum pinjaman maksimum bagi **Skim Pembiayaan Perusahaan-Pinjaman Perdagangan (EFS-TL)** akan dinaikkan secara kekal daripada \$5 juta ke \$10 juta
- **Skim Potongan Cukai Berganda untuk Pengantarabangsaan (DTDi)** akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2030, membolehkan perniagaan-perniagaan untuk menuntut potongan cukai sehingga 200% untuk pengembangan pasaran yang layak dan perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan pelaburan
- Had geran dipertingkat kepada \$100,000 bagi **Geran Bantuan Kesediaan Pasaran (MRA)** telah dilanjutkan sehingga 31 Mac 2026, memberi perniagaan-perniagaan lebih masa untuk mengusahakan pelan-pelan pengembangan antarabangsa
- Enterprise Singapore dan rakan-rakan kongsi akan mengendalikan rangkaian **Pusat Luar Negara** serantau, di mana SME Singapura boleh menerima sokongan di pasaran luar negara
- Mempertingkatkan **Skim Pembiayaan Perusahaan - Penggabungan dan Pemerolehan (EFS-M&A)** untuk merangkum pemerolehan aset yang disasarkan, seperti harta intelek dan kontrak-kontrak sehingga 31 Mac 2030
- **Skim Penggabungan dan Pemerolehan (M&A)** telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2030, yang menyediakan faedah cukai kepada firma-firma Singapura yang membuat pemerolehan saham biasa syarikat-syarikat lain yang layak



### Menyokong transformasi AI

- **Inisiatif Pengkomputeran Perusahaan (ECI)** menawarkan syarikat-syarikat yang layak akses kepada kredit pengkomputeran awan, program-program latihan dan perkhidmatan perundingan untuk membangun dan meningkatkan penyelesaian-penyelesaian AI
- Sokongan berterusan untuk SME dalam penerimaan AI menerusi skim-skim seperti **Geran Penyelesaian Produktiviti (PSG)** dan **Program Go Digital SME**



### Mempertingkat ekosistem sokongan perniagaan

- **Pejabat Pro-Perusahaan SME (SME PEO)** akan membantu perniagaan-perniagaan mengurangkan beban kawal selia dan mengemudi maklum balas merentasi agensi-agensi awam
- **Pusat-pusat SME** yang dipertingkatkan akan menawarkan perkhidmatan dan program-program perniagaan yang lebih luas, termasuk perkhidmatan nasihat secara bersemuka, bengkel-bengkel dan projek-projek naik taraf berdasarkan kumpulan
- Memperkemas pengalaman di platform-platform digital, seperti **Portal GoBusiness** dan **Portal Geran Perniagaan EnterpriseSG**



### Meningkatkan perusahaan-perusahaan kejiranan

- **Program Pembarangan Visual yang dipertingkatkan** membantu kedai-kedai di kawasan kejiranan memperbaharui kedai mereka dan menarik lebih ramai pelanggan, dengan peningkatan jumlah kos kelayakan daripada \$12,000 kepada \$60,000
- **Program Estet Kejiranan Bertenaga bagi Persatuan-Persatuan Pedagang** menyokong acara-acara dan kegiatan-kegiatan perwujudan tempat pelbagai skala yang menghidupkan kawasan kejiranan



## Hitungan angka

# Hampir 3,000

Jumlah SME yang menerima penyelesaian AI menerusi Geran Penyelesaian Produktiviti (PSG)



# 23,000

Kedai-kedai kejiran dan gerai-gerai penjaja yang telah meraih manfaat daripada skim Baucar CDC

# \$8.8 juta

Anggaran peningkatan hasil tahunan bagi setiap syarikat, untuk firma-firma yang menjalankan projek pengantarabangsaan pada 2024<sup>1</sup>

SUMBER: <sup>1</sup>Taklimat Media Tahunan EnterpriseSG (Jan 2025)

**“**

Pengarah negara Randstad Singapore, Encik David Blasco:

**Kredit Perusahaan SkillsFuture bernilai \$10,000 bermanfaat buat syarikat-syarikat, kerana ia akan menggalakkan majikan-majikan untuk mengambil inisiatif yang lebih besar dalam memajukan strategi transformasi tenaga kerja mereka.**

**Ini memberi mereka lebih banyak masa untuk mengukuhkan kemahiran-kemahiran pekerja mereka bagi mendapatkan tenaga kerja yang lebih tangkas, kerana kemahiran itu penting untuk mengikuti perkembangan AI dan teknologi lain yang bakal muncul.**

**“**

Rakan-rakan kongsi KPMG Singapore, Encik Ajay Kumar Sanganeria dan Encik Harvey Koenig:

**Komitmen besar tahun ini menggariskan fokus berterusan Singapura untuk menyokong promosi pelaburan dan mempertingkatkan produktiviti perniagaan melalui insentif-insentif tanpa cukai, yang semakin kritikal dalam persekitaran cukai global yang berkembang.**

# MENGHUBUNG

## SINGAPURA BERSAMA DUNIA

### Mengapa perhubungan Singapura bersama dunia itu penting?

Kejayaan Singapura sebagai sebuah negara bergantung kepada keterbukaan kita kepada perdagangan dan bakat. Kita akan membina atas kukuh kami untuk mempertingkatkan ketersambungan, meluaskan peluang-peluang dan mengukuhkan peranan Singapura sebagai gerbang bakat, perdagangan dan aliran modal.



### Mempertingkatkan tawaran-tawaran pelancongan

- Tarikan tambahan baharu di **Presint Mandai**, seperti Mandai Boardwalk, Rainforest Wild ASIA dan Mandai Rainforest Resort by Banyan Tree, memperkayakan lagi kepelbagaiannya tawaran yang tersedia untuk penggemar kehidupan liar dan alam semulajadi
- Kemudahan-kemudahan dan tarikan-tarikan bertaraf global akan didedahkan oleh **Resort-Resort Bersepadu** dalam tempoh dekad ini
- Tawaran-tawaran padat bagi acara-acara **riadah, gaya hidup dan perniagaan** diunjurkan menarik 17 juta hingga 18.5 juta pelancong antarabangsa dan menjana \$29 bilion hingga \$30.5 bilion resit pelancong pada 2025




### Mendalami aliran-aliran perdagangan sedia ada

- Mendalami integrasi ekonomi serantau dengan perjanjian **Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China**, serta Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA) dan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA)
- Mengukuhkan pertalian ekonomi dua hala dengan rakan-rakan kongsi utama, seperti **Amerika Syarikat, China, India, Vietnam dan Malaysia**



### Mempelbagaikan kepada pasaran-pasaran dan sektor-sektor baharu

- Jaminkan perkongsian-perkongsian ekonomi di pasaran baharu, seperti **Latin Amerika, Timur Tengah dan Afrika**, dan hubungkan pemimpin-pemimpin perniagaan merentasi sempadan
- Memperluaskan perkongsian-perkongsian perdagangan dalam ekonomi digital melalui **Perjanjian Ekonomi Digital (DEAs)**, perjanjian pelbagai negara seperti **Perjanjian Perkongsian Ekonomi Digital (DEPA)**, dan **Inisiatif Penyataan Bersama WTO terhadap E-Dagangan**
- Majukan **Perjanjian-Perjanjian Ekonomi Hijau (GEA)** untuk memangkin kerjasama dalam teknologi dan inovasi hijau, menggalakkan aliran-aliran perdagangan dalam tenaga dan produk mampan, dan membangunkan rangka kerja saling kendalian untuk menyokong sektor pertumbuhan hijau



## Hitungan angka

# \$224 billion

Resit pelancongan Singapura bagi tiga suku pertama pada 2024 berada di paras tertinggi dalam sejarah

# 17-18.5 juta

Jumlah pelancong antarabangsa yang dijangka melawat Singapura pada 2025 untuk acara-acara riadah, gaya hidup dan perniagaan

# 27

Jumlah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang dilaksanakan pada Mac 2025



**“**

Presiden Persatuan Perusahaan-Perusahaan Kecil dan Sederhana (ASME), Encik Ang Yuit, mengenai keengganan usahawan Singapura untuk berkembang melampaui sempadan kita:

**Saya fikir itu boleh berubah. Jika kita terus menyedarkan rakyat kita melampaui tambak Singapura, dan melihat Singapura sebagai ibu negara ASEAN, bukan hanya sebagai sebuah negara.**

**Layari laman-laman web di bawah untuk mendapatkan maklumat lanjut, atau hubungi MTI di [mti\\_email@mti.gov.sg](mailto:mti_email@mti.gov.sg)**

## GoBusiness

Kunjungi laman GoBusiness di [gobusiness.gov.sg](http://gobusiness.gov.sg) untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang sokongan sedia ada. Gunakan Bantuan Pemerintah e-Adviser untuk mengetahui kelayakan skim-skim Pemerintah dengan menjawab beberapa soalan mudah.




## Ketua Pegawai Teknologi-sebagai-Perkhidmatan

Nilai tahap kesediaan digital syarikat anda, kenal pasti jurang pendigitalan dan cari penyelesaian bersesuaian menerusi [services2.imda.gov.sg/CTOaaS](http://services2.imda.gov.sg/CTOaaS). Syarikat-syarikat yang layak juga boleh mencari perkhidmatan-perkhidmatan nasihat digital dan sokongan pengurusan projek daripada kumpulan konsultan-konsultan digital yang dikongsi.

## Pusat-pusat SME

Penasihat-penasihat Perniagaan berpengalaman sedia menyokong anda dalam mengembangkan perniagaan anda, melalui sesi-sesi nasihat perniagaan secara bersemuka, bengkel-bengkel pembangunan keupayaan, dan projek-projek naik taraf berdasarkan kumpulan. Tempah perundingan percuma di sebuah Pusat SME pilihan anda dengan melayari laman web, [enterprisesg.gov.sg/smecentre](http://enterprisesg.gov.sg/smecentre).



## Pusat-pusat Inovasi

Ditubuhkan dengan kerjasama Institut-Institut Pengajian Tinggi dan institut-institut penyelidikan, Pusat-pusat Inovasi bertujuan meningkatkan keperluan inovasi teknologi SME. Pusat-pusat ini menyediakan kemudahan, perundingan, latihan dan perkhidmatan teknikal untuk SME membangunkan dan menguji projek teknologi dalam sektor tertentu. Layari laman web, [go.gov.sg/centres-of-innovation](http://go.gov.sg/centres-of-innovation), untuk maklumat lanjut.



## Inisiatif Pro-Perusahaan Kementerian Kewangan (MOF)

Pelajari bagaimana Pemerintah memupuk persekitaran pro-perniagaan dengan memudahkan peraturan-peraturan dan proses-proses dan menjadikan peluang-peluang Pemerolehan Pemerintah lebih mudah diakses. Layari laman web, [go.gov.sg/mof-cos2025-infographics](http://go.gov.sg/mof-cos2025-infographics), untuk maklumat lanjut.

